



“TOLERANSI UMMAH”

(17 Ogos 2018 / 5 Zulhijjah 1439)

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوْبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَسَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلُّ وَسِّلُّ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءالِهِ وَصَحَابِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ وَاتَّابِعِينَ لَهُمْ يَا حَسَانَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ. اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

قال الله تعالى في محكم آياته:

﴿يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَائِمَهُ وَلَا تَمُونُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Pada hari Jumaat yang diberkati ini, saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah ﷺ dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati kesejahteraan dan keberkatan hidup serta berbahagia di dunia dan di akhirat. Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan berkenaan: “**Toleransi Ummah**”.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesebuah negara tidak hanya ditegakkan atas asas perundangan semata-mata, akan tetapi ianya perlulah berteraskan kepada beberapa prinsip antaranya ialah toleransi ummah dalam masyarakat berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Secara ringkasnya toleransi merujuk kepada sikap pegangan kehidupan dalam masyarakat yang memberi erti tidak idealisme, tidak fanatik, tidak ‘selfish’

iaitu mementingkan diri sendiri, mempunyai sikap keterbukaan, realistik, muafakat, tolak ansur, sabar dan menghormati hak orang lain. Mereka yang mengamalkan sikap toleransi berupaya menanggung sesuatu tekanan atau berupaya menerima kesusahan dan kritikan, boleh berkorban untuk orang lain, bersikap terbuka, berlapang dada dan boleh menerima kepelbagaian. Ciri-ciri tersebut adalah penting untuk dipraktikan dalam kehidupan sebuah masyarakat majmuk supaya keharmonian terserlah dan keamanan dapat dihayati oleh semua pihak.

Mimbar ingin menyatakan bahawa Islam yang membawa rahmat kepada seluruh alam adalah agama yang berteraskan toleransi sesama manusia. Toleransi menurut perspektif Islam adalah berasaskan *ta'awunu alal-birri wattaqwa* (تعاونوا على البر و التقوى) iaitu bekerjasama di atas dasar kebaikan dan taqwa. Perbezaan agama dan kepelbagaian budaya bukanlah alasan untuk tidak berlaku adil dan bertoleransi sesama manusia. Bahkan bersikap adil dan berkelakuan baik terhadap orang lain yang berbeza pegangan merupakan sebahagian daripada syarat terpenting yang membawa kepada toleransi. Firman Allah ﷺ di dalam surah al-Mumtahanah ayat 8:

﴿لَا يَنْهَاكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّن دِيْرِكُمْ أَن تَبْرُوْهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ﴾

Bermaksud: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Perlembagaan Persekutuan yang digubal menjelang Kemerdekaan Tanah Melayu jelas mengandungi nilai-nilai toleransi iaitu supaya berlaku adil kepada semua kaum dan menerima kepelbagaian yang wujud. Kontrak sosial telah

dipersetujui dengan persefahaman antara kaum diikat kuat di dalam Perlembagaan Persekutuan dan diterima pemimpin pelbagai kaum dengan amalan nilai-nilai toleransi sesama manusia.

Justeru, mimbar ingin menasihatkan semua pihak agar tidak mengambil sesuatu tindakan menurut hawa nafsu semata-mata dan tidak mengikut telunjuk pihak yang mempunyai kepentingan peribadi dengan mengapi-apikan isu toleransi yang telah disepakati bersama-sama, kerana ianya dikhuatiri akan menyalakan api permusuhan antara kita, yang seterusnya akan menggugat keharmonian dan keamanan negara. Lihatlah betapa banyak negara-negara yang hancur musnah berantakan kerana tiada sifat toleransi dalam meneruskan kehidupan bermasyarakat.

Sebagai umat Islam, kita tidak seharusnya tersilap langkah dalam memahami tuntutan toleransi ummah ini. Perlu diingat, toleransi yang dimaksudkan hendaklah berteraskan kepada prinsip Islam yang berlandaskan kepada al-Quran dan al-sunnah. Pada masa yang sama, kita juga tidak boleh mengetepikan apa yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Kita hendaklah menjawai makna toleransi dengan sentiasa bersikap terbuka dan saling menghormati antara satu sama lain. Keharmonian kaum dan perpaduan rakyat dalam negara ini sebenarnya wujud berasaskan kepada gabungan kepelbagaian faktor antaranya melalui semangat kerjasama, kompromi dan persefahaman. Janganlah ada antara kita cuba menghancurkan apa yang telah kita capai selama ini melalui sifat toleransi, persefahaman dan bertolak ansur. Janganlah kita membiarkan fahaman yang ekstrem menguasai pemikiran pihak yang berkepentingan dan berniat jahat untuk memecahbelahkan negara yang kita cintai. Ingatlah bahawa tanah inilah tempat kelahiran kita, rumah kita, tempat mengalirkan keringat untuk kita mencari rezeki bagi menyara diri dan keluarga kita dan akhirnya sebagai tempat persemadian kita.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Sesungguhnya kita sangat bertuah tinggal di negara ini walaupun hidup dalam masyarakat majmuk dengan kepelbagaiannya bangsa dan agama, namun kita masih dapat mengecapi keharmonian dan kebersamaan antara satu sama lain. Sesungguhnya nikmat keharmonian yang lahir daripada nilai-nilai toleransi ini wajar disyukuri dan terus dipertahankan kerana ia merupakan suatu nikmat yang sangat berharga dan tidak ternilai.

Sebagai umat Islam yang berpegang teguh dengan panduan dan pedoman al-Quran dan as-Sunnah, amat penting untuk kita menampilkan contoh yang terbaik kepada masyarakat bukan Islam. Hal ini bukan sahaja dapat memelihara perpaduan, malah berupaya untuk menarik masyarakat bukan Islam untuk mencintai dan menghayati keindahan Islam. Lantaran itu Rasulullah ﷺ berpesan agar kita mengamalkan akhlak terpuji dan jangan menyakiti orang lain. Sabda Rasulullah ﷺ melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

"عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَأَلَ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ أَفْضَلُ
قَالَ: مَنْ سَلَّمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ"

Mafhumnya: "Daripada Abu Musa al-Asy'ari رض berkata: Suatu ketika, Rasulullah ﷺ ditanya, "Orang Islam yang bagaimakah paling utama?" Nabi bersabda, "Ialah seorang Muslim yang mana orang-orang Muslim (lainnya) selamat dari keburukan mulut dan tangannya".

Oleh itu, mimbar menyeru para jemaah dan seluruh umat Islam, marilah sama-sama kita membina toleransi dalam kalangan kita dalam semua perkara serta janganlah kita melampaui batas dalam perkara yang telah dipersetujui. Sikap melampau sebenarnya akan merosakkan perpaduan masyarakat dan seterusnya akan melemahkan kestabilan sosio-politik negara. Usahlah kerana kepentingan diri

yang sempit, kita sanggup meruntuhkan perpaduan yang telah lama terbina dan menggadai kuasa dan maruah yang ada.

Sekali lagi mimbar mengingatkan bahawa toleransi merupakan sebahagian daripada tuntutan Islam. Pendekatan ini wajar diteruskan kerana kita menyakini gesaan Allah ﷺ yang meletakkan persoalan iman sebagai syarat utama kejayaan umat Islam di dunia ini dan di akhirat kelak. Semoga Malaysia yang tercinta ini terus maju, aman dan damai, dan menjadi payung serta pelindung kepada Islam dan umatnya serta menjadi role model dan contoh terbaik kepada dunia dari aspek kesatuan dan perpaduan dalam negara berbilang kaum dan budaya.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah sebagai pedoman hidup, antaranya:

Pertama : Islam yang membawa rahmat kepada seluruh alam adalah agama yang berteraskan toleransi sesama manusia

Kedua : Toleransi dalam Islam hendaklah berteraskan kepada al-Quran dan al-sunnah

Ketiga : Nilai-nilai toleransi merupakan asas kepada keharmonian dan keamanan masyarakat majmuk.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

﴿يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَرَّةٍ وَأَنْتُمْ شُعُوبٌ وَقَبَائِلٌ لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْثَرَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْقَذُكُمْ﴾

إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ حَمِيرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling taqwa di antara kamu (bukan yang lebih

keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya(akan keadaan dan amalan kamu).”

(Surah al-Hujurat, ayat 13)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ، أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِغْمَانًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ . اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَابِيحِ الْغَرِيرِ .

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمْرَ، وَانتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرَ . وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِإِمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَيْحَةَ بِقُدْسِهِ . فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى الَّذِي يَتَأَيَّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوًا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارِكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ .

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَيِّ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلَحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ . اللَّهُمَّ انصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيْدِيهِمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحَّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالثَّمَكِينِ . اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ .

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْغَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي يع مها موليا سري قادوك بكتيندا يع دفتروان أ��وغ كلیما بلس
سلطان محمد كلیما وعلی کل قراتته أجمعن

أصلح الله ملکه واحسانه وفيض له عدله وببلغه من الخير ما شاءه. اللهم أديم
الشرع الشريف له ولوزرائه سبلا ومنهاجا. وارزقهم التوفيق لکل خير
واجعلهم سراجا وهاجا. اللهم اجعل ماليزيما وسائر بلاد المسلمين طيبة آمنة
مطمئنة رخية. اللهم سلم بلادنا من المفسدين وطهرها من المترفين ووقفنا
جميعا لطاعتكم وطاعة رسولكم محمد صلى الله عليه وسلم وطاعة من أمرنا
بطاعته.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dankekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

(رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ)
(رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ)
عِبَادَ اللَّهِ، (إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ)
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزْدُكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ . وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .